

Nota Bahasa Melayu (Karangan Keperihal dan Peribahasa MEI 2021)

“Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.”

Berdasarkan peribahasa yang dinyatakan di atas, tulislah karangan keperihal yang menunjukkan anda memahami makna yang disampaikan melalui petikan tersebut.

Contoh soalan popular

Latihan : Lengkapkan karangan di bawah dengan mengisikan **peribahasa** yang sesuai pada ruang kosong yang disediakan.

(_____
 _____),
peribahasa tersebut sering merujuk kepada sikap berfikirlah dengan berhati-hati dan teliti sebelum melakukan sesuatu agar tidak menyesal pada kemudian hari. Peribahasa tersebut sesuai dikaitkan kisah Rosli yang terlibat dalam sindiket penipuan sehinggakan penyesalannya tidak berguna kerana (_____
 _____)

Ketika usianya pada (_____), dia merupakan pelajar yang agak bermasalah dan sering digelar (_____
 _____) kerana akan menimbulkan kepincangan pada setiap kelas yang ditempatkan. Tidak cukup dengan sikap (_____)nya, dia sering terlibat dengan jenayah kecil seperti (_____) mengakibatkan rakan-rakan sekelasnya terpaksa lebih berwaspada dengan barangan berharga mereka. Walaupun sering disyaki, namun dia (_____) dan sangat licik menyembunyikan perbuatan jijiknya itu.

Setelah tamat persekolahan, dia mengambil keputusan untuk (_____) di kota untuk mencari pekerjaan, apatah lagi dia tidak dapat melanjutkan pelajaran ke (_____) kerana keputusan

peperiksaannya yang kurang memuaskan. Pada mulanya, dia berjaya diambil untuk bekerja di kilang, namun dia (_____) untuk bergelar orang kaya, mula mencari (_____) untuk mencapainya. Dia tidak memerlukan masa lama kerana dia (_____) apabila diajak untuk menyertai sindiket penipuan yang menawarkan kemewahan hanya bermodalkan (_____).

Tanpa rasa bersalah atau segan silu, dia telah menjerat banyak mangsa dengan sikapnya (_____) menaburkan janji-janji manis untuk mengumkan mereka. Sebagai akibatnya, ramailah ber(_____) apabila wang mereka lebur angkara penipuan licik Rosli bersama sindiketnya, sebaliknya, Rosli makin kaya dan hidup mewah dengan duit haramnya itu. Sikap liciknya telah banyak

kali mengelakkan kegiatannya daripada dihidu oleh pihak berkuasa bahkan Rosli telah menghulurkan (_____) bagi memastikan dia terus terselamat, tetapi (_____) (_____).

Atas kerjasama orang ramai melalui laporan dan penularan berita pada media sosial, Rosli telah berjaya ketika (_____) di sebuah resort mewah bersama teman wanitanya. Ketika ditangkap, Rosli menangis dan merayu-rayu untuk dilepaskan akan tetapi diendahkan, menyebabkan dia mula menyesal atas setiap perbuatannya, **apa boleh buat, sakit menimpa sesal terlambat.**

Nota Tamat – Sekian Terima Kasih.

Cikgu Norhairie Nordin